

PENGAJARAN GURU OPSYEN DAN BUKAN OPSYEN KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU SEKOLAH RENDAH DI BATU PAHAT

(TEACHINGS OF OPTIONIST AND NON OPTIONIST PRIMARY SCHOOL TEACHERS
OF LIVING SKILL IN BATU PAHAT)

Siti Salwa Binti Ab. Manap¹
Rasidayanty Binti Saion²
Zainordin Bin Rais³
Jamil Abd Baser⁴

Abstrak

Kemahiran Hidup (KH) merupakan salah satu mata pelajaran yang diletakkan di bawah mata pelajaran Pendidikan Teknik dan Vokasional. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan persepsi tahap kemahiran mengajar di antara guru opsyen dan bukan opsyen KH dan mengetahui pengaruh opsyen guru terhadap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran KH. Kajian tinjauan ini melibatkan data kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Sampel terdiri daripada 199 orang guru KH Tahun 5 di sekolah rendah Daerah Batu Pahat. Ujian-t digunakan dan hasil analisis menunjukkan bahawa min persepsi kemahiran guru bukan opsyen adalah tinggi. Begitu juga dengan min persepsi guru opsyen KH. Namun begitu, terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi kemahiran mengajar di antara guru opsyen dengan guru bukan opsyen KH. Terdapat juga perbezaan yang signifikan di antara pencapaian pelajar yang diajar oleh guru opsyen dengan guru bukan opsyen KH

Kata kunci: Pengajaran, Opsyen, Kemahiran Hidup

Abstract

Living Skills (KH) is one of the subjects that are placed under the subjects of Technical and Vocational Education. This study aims to identify the differences in perception between the skills taught in schools the option and not the option KH and determine the effect of options

¹ Pelajar, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 83000 Batu Pahat, Johor, Tel: +60137511508 E-mail: sitisalwaab.manap@yahoo.com.my

² Pelajar, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 83000 Batu Pahat, Johor, Tel: +60127243532 E-mail: fauzyan@yahoo.com.my

³ Pelajar, Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn, 83000 Batu Pahat, Johor, Tel: +6013346310 E-mail: zainordinza@yahoo.com.my

⁴ Pensyarah, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 83000 Batu Pahat, Johor, Tel: +60167019007 E-mail: jamil@uthm.edu.my

for teachers on student achievement in the subjects KH. This survey involved quantitative data using questionnaires as the research instrument. The sample consisted of 199 teachers KH Year 5 at elementary school district of Batu Pahat. T-test was used and the results of the analysis showed that the mean teacher is not an option perception skills are high. Similarly, the teachers' perceptions of options KH min. However, there are significant differences between the perceptions of teaching skills among teachers and the teacher is not an option KH. There are also significant differences between the achievement of students taught by teachers with a teacher is not an option KH

Keywords: *Teaching, Option, Living Skills*

2016 GBSEJournal

Pengenalan

Mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah rendah merupakan satu proses pembelajaran melalui pengalaman. Pada tahun 1979, satu Jawatankuasa Kabinet telah mengambil keputusan untuk mengadakan pendidikan Kemahiran Hidup (KH) sebagai satu mata pelajaran wajib bagi semua pelajar pada tahap dua peringkat sekolah rendah di Malaysia. Mata pelajaran ini bertujuan memberi murid pengetahuan asas ketukangan, perkebunan, jahitan dan perniagaan serta memberi murid pengalaman menghasilkan projek yang mudah [Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), 2000]. Melalui mata pelajaran KH yang bercorak kerja praktis dan amali, membolehkan murid-murid menggunakan alat tangan untuk membuat perkakas yang mudah, mengendali, menyelenggara dan membaik pulih alat atau mesin mudah. Chan (2002) mengatakan guru KH mempunyai kemahiran mengajar yang baik untuk merancang komponen pengajaran supaya boleh menimbulkan minat pelajar-pelajar terhadap pelajarannya. Kemahiran-kemahiran yang diberikan perlu bersesuaian dengan kemajuan negara yang kini makin membangun untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang diinginkan (Ku Seman, 2007).

Guru merupakan pengurus pembelajaran yang bertanggungjawab untuk merancang pengetahuan, kemahiran dan nilai yang hendak diajar kepada murid setiap hari (Sulaiman, 2003). Sparks (2003) berpendapat bahawa guru adalah agen-agen perubahan yang penting dalam memastikan sekolah mereka menjadi sekolah yang berkesan. Penggabungan jalinan di antara elemen pembelajaran dan nilai murni juga harus dilakukan semasa sesi pembelajaran dan pengajaran berlaku (Baharen *et al.*, 2011) kerana usaha ini mampu membentuk modal insan yang kreatif, berfikiran luas, bijak berfikir dan penyayang di samping dapat menguasai ilmu pengetahuan dengan lebih berkesan dan bermakna lantas dapat mengaitkan ilmu pengetahuan sedia ada kepada realiti kehidupan sebenar. Guru perlu mempunyai kepakaran (Wan Ali, 2000) dari pelbagai aspek seperti penguasaan terhadap bidang pelajaran yang diajar, menguasai kaedah pengajaran dan pengurusan disiplin pelajar supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lancar.

Hook dan Vass (2000) mendefinisikan peranan kepimpinan guru bilik darjah sebagai satu kemahiran di mana guru menggunakan gaya kepimpinan untuk ketrampilan dirinya dan berkomunikasi dengan yang lain. Kemahiran bukan sahaja kebolehan guru untuk menyampaikan maklumat kepada pelajar, bahkan dapat meyakinkan serta mempengaruhi mereka. Menurut Hook dan Vass (2000), peranan kepimpinan guru yang berkesan memerlukan guru yang memiliki kemahiran-kemahiran yang merangkumi, boleh

mengembangkan keupayaan untuk memahami dan mempunyai visi; mempunyai kemahiran menghasilkan hubungan yang berkesan; memahami tingkah laku dan keinginan murid-muridnya, memahami bilik darjah adalah satu sistem; dan berkebolehan mencari penyelesaian dan menganalisis maklumat.

Secara amnya, proses pembelajaran dan pengajaran berlaku di dalam bilik darjah. Responden adalah terdiri daripada para pelajar, manakala guru-guru bertindak sebagai pemimpin. Pembelajaran yang bermakna selalu dikaitkan dengan kualiti peranan kepimpinan guru sama ada berjaya mendorong, bertindak sebagai perujuk, dan berkebolehan mempengaruhi murid untuk berusaha mencapai sesuatu objektif umpamanya objektif pembelajaran. Pelaksanaannya dapat dijayakan sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dengan merujuk kepada usaha yang digerakkan ke arah pencapaian hasil pembelajaran mengikut topik yang diajar. Kejayaan guru sebagai pemimpin akan terserlah dalam keupayaannya membuat perubahan di dalam bilik darjah menerusi kolaborasi bersama murid-murid ke arah pencapaian matlamat pengajaran dan pembelajaran. Peranan kepimpinan guru juga dikaitkan dengan orang yang berkebolehan merancang, memberi arahan, mengawal perjalanan proses dan membentuk strategi bagi mencapai matlamat. Oleh itu, pemimpin harus berkebolehan dan berupaya mengubah penakulan tingkah laku atau sikap subordinat bagi mendorong ke arah pencapaian matlamat.

Dalam pengajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup, pembelajaran dan pengajaran secara amnya akan berlaku di dalam bengkel Kemahiran Hidup. Di dalam bengkel ini, guru akan memperkenalkan teori dan seterusnya melakukan amali. Murid-murid kemudiannya akan turut melakukan kerja-kerja amali sama ada secara individu mahu pun berkumpulan. Oleh yang demikian, pengetahuan teori dan kepakaran dalam kemahiran yang diajar seharusnya menjadi elemen yang sangat penting demi memastikan segala objektif yang ingin disampaikan akan tercapai. Penggabung jalinan di antara elemen pembelajaran dan nilai murni juga harus dilakukan semasa sesi pembelajaran dan pengajaran berlaku. Usaha ini mampu membentuk modal insan yang kreatif, berfikiran luas, bijak berfikir dan penyayang di samping dapat menguasai ilmu pengetahuan dengan lebih berkesan dan bermakna lantas dapat mengaitkan ilmu pengetahuan sedia ada kepada realiti kehidupan sebenar (Baharen *et al.*, 2011).

Kajian Hallinger *et al.* (1983) yang menunjukkan ciri-ciri yang ada pada sesebuah sekolah sebenarnya memberi kesan yang mendalam perlu diambil kira dalam membentuk model peranan kepimpinan guru yang berjaya. Peranan kepimpinan guru yang diamalkan oleh guru bukan sahaja boleh menentukan pencapaian matlamat sebuah bilik darjah malah memberi kesan ke atas semua individu yang ada dalam bilik darjah tersebut. Ini sekaligus dapat menyumbang kepada pencapaian keseluruhan sekolah dan juga negara. Ini akan menghasilkan generasi peneraju negara pada masa akan datang mempunyai kualiti ilmu yang tinggi kerana mendapat pendidikan daripada mereka yang professional.

Metodologi

Dalam kajian ini, pengkaji membuat tinjauan menggunakan borang soal selidik. Proses ini melibatkan pengambilan data dalam satu masa tertentu di mana, responden diberikan borang soal selidik untuk maklumat yang diperlukan oleh penyelidik dan kemudian diproses melalui kaedah analisis yang digunakan oleh penyelidik. Kajian berbentuk tinjauan ini sesuai

digunakan untuk mendapatkan data dari sampel yang bersaiz besar kerana proses menggunakan kaedah lain adalah sukar dan kompleks serta merupakan suatu reka bentuk kajian yang digunakan secara meluas dalam kajian yang membabitkan bidang sosiologi, perniagaan, sains politik dan pendidikan (Abdul Ghafar, 2003). Berpandukan statistik yang diberikan oleh Pejabat Pelajaran Daerah Batu Pahat, terdapat 143 buah sekolah rendah di daerah Batu Pahat dan di setiap buah sekolah, terdapat sekurang-kurangnya seorang guru yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup. Maka jumlah keseluruhan populasi dalam kajian ini adalah seramai 199 orang guru berdasarkan maklumat yang diperolehi melalui Pegawai Data di Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat.

Gay & Airasian (2003) menyatakan bahawa populasi merupakan kumpulan sasaran penyelidikan, di mana kumpulan kepada siapa hasil kajian yang ditujukan. Populasi kajian ini terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah rendah di daerah Batu Pahat, Johor. Menurut Yahaya *et. al* (2007) menyatakan pensampelan purposive digunakan untuk memilih sampel dengan tujuan mendapatkan data dan maklumat yang dihendaki dalam menjawab persoalan kajian dan juga mendapatkan sampel bagi mewakili populasi. Penetapan populasi adalah penting dalam kajian kerana populasi ini yang akan menentukan bagaimana dan berapa ramai sampel yang diperlukan untuk dijadikan responden dalam kajian ini. Daripada sampel tersebut, penyelidik dapat menganggarkan parameter populasi bagi min, varians dan sisihan piawai (Konting, 2000). Pemilihan sampel kajian adalah melalui persampelan bertujuan di mana, penyelidik dengan sengaja memilih sampel dengan tujuan mendapatkan jumlah sampel yang mewakili populasi (Abdul Ghafar, 2003).

Keputusan Dan Perbincangan

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, dapatan yang diperolehi adalah :

3.1 Persoalan kajian 1 : Apakah persepsi guru bukan opsyen Kemahiran Hidup terhadap tahap kemahirannya dalam pengajaran Kemahiran Hidup?

Berdasarkan analisis yang dijalankan, didapati bahawa guru-guru bukan opsyen mempunyai persepsi yang tinggi terhadap tahap kemahiran mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup. Skor min data deskriptif bagi 24 item yang terkandung di dalam kemahiran mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup Tahun 5 adalah 4.04. Hasil ujian tersebut menunjukkan bahawa item 26 iaitu “tahu menjahit butang” menunjukkan skor min yang tinggi berbanding item-item soal selidik yang lain iaitu sebanyak 4.27. Dua lagi kemahiran yang mendapat skor min tertinggi ialah item 15 iaitu tahu menggunakan alatan tangan di dalam bengkel Kemahiran Hidup” (4.23) dan item 16, “dapat menghasilkan rekacipta yang mudah”(4.17).

Dalam kajian Satute (2003), yang bertajuk Kesediaan Guru-guru Bukan Opsyen Melaksanakan Program MPV di Sekolah-sekolah Menengah Akademik Negeri Johor dan Melaka mengatakan bahawa penguasaan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang mata pelajaran menjadi keutamaan kepada guru-guru teknikal. Ini disokong oleh kajian Mohamed Ahasan (2006) pula dalam kajiannya yang bertajuk Kesediaan Guru-guru Bukan Opsyen Mengajar Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Di Sekolah-sekolah Menengah Dalam Daerah Kluang mendapati bahawa hasil kajian menunjukkan majoriti guru-guru bukan opsyen bersedia melaksanakan mata pelajaran Kemahiran Hidup walaupun mereka tidak mempunyai

pengkhususan yang kukuh dalam mata pelajaran tersebut. Ini membuktikan bahawa komitmen guru amat tinggi dalam menjalankan sesuatu tugas yang diberikan walaupun tugas tersebut bukan dari kalangan pengetahuan guru tersebut. Kuberan (2008) dalam kajiannya yang bertajuk Kesediaan Bakal Guru Siswazah Yang Mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru Untuk Mengajar Mata Pelajaran Lukisan Kejuruteraan, Satu Kajian Kes mendapati bahawa bakal guru siswazah PKPG menunjukkan kesediaan dari segi sikap dan kemahiran untuk mengajar mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan di sekolah. Walaupun kajian mendapati tidak sampai separuh bakal guru siswazah PKPG mempunyai kemahiran mengajar dan tidak mempunyai pengalaman mengajar mata pelajaran Lukisan Kejuruteraan.

Dapatan kajian bagi persepsi kemahiran mengajar di kalangan guru bukan opsyen dalam kemahiran mengajar Kemahiran Hidup adalah tinggi. Kesemua responden menyatakan mereka bersetuju bahawa mereka dapat menguasai kemahiran-kemahiran yang terkandung di dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup. Ini menunjukkan bahawa guru-guru bukan opsyen Kemahiran Hidup ini begitu komited dalam melaksanakan tanggung jawab yang diberikan. Guru-guru ini berusaha untuk menguasai setiap kemahiran yang terkandung di dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup untuk disampaikan kepada para pelajar ketika proses pembelajaran dan pengajaran berlangsung. Ini sekaligus membuktikan bahawa, guru-guru ini bersifat versatail kerana mereka boleh menguasai berbagai-bagai kemahiran seperti kemahiran menjahit, memelihara ikan hiasan, mengurus jualan, menyelenggara bangunan, menghasilkan reka cipta dan sebagainya dengan baik walaupun tidak mendapat latihan yang khusus dalam bidang ini.

3.2 Persoalan kajian 2 : Apakah persepsi guru opsyen Kemahiran Hidup terhadap kemahiran mengajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup?

Dapatan yang diperolehi daripada kajian ini menunjukkan Min keseluruhan adalah 4.46. Hasil ujian tersebut menunjukkan bahawa item 24 iaitu mengenal bahagian luar ikan hiasan menunjukkan skor min yang tertinggi berbanding item-item soal selidik yang lain, iaitu sebanyak 4.66. Dua lagi kemahiran yang mendapat skor min tertinggi ialah item 33 iaitu merancang perbelanjaan (4.59) dan item 23 memahami prosedur menguruskan perbelanjaan (4.57).

Dalam kajian Chan (1991) mendapati, kerja-kerja amali dan kemahiran yang diperkenalkan dalam Kemahiran Hidup Bersepadu berjaya membuatkan pelajar tidak merasa bosan berbanding hanya pengajaran secara teori kerana mereka dapat melihat penyelesaian sesuatu masalah secara lebih dekat dan akan memberikan kepuasan emosi dan pemahaman yang lebih kukuh. Abdullah (1999) dalam kajiannya mendapati mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu yang diajar dapat membangkitkan idea dan ilham cipta kepada murid. Di samping itu, ia juga penting untuk dilaksanakan di peringkat awal supaya kesan jangka masa panjang dapat dilihat. Ini disokong oleh Othman (2000) dalam kajiannya mendapati bahawa kerja amali yang dijalankan di dalam KHB menambahkan daya cipta dan kreativiti.

Ini sememangnya terbukti di dalam data yang diperolehi daripada responden yang mempunyai opsyen dalam bidang Kemahiran Hidup. Dapatan kajian bagi persepsi kemahiran mengajar di kalangan guru opsyen kemahiran Hidup adalah tinggi. Kesemua responden bersetuju bahawa mereka menguasai kesemua kemahiran yang terkandung di dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup. Ini kerana, seseorang yang berminat terhadap sesuatu perkara atau aktiviti akan menumpukan daya usaha, masa pemikiran dan sumber-

sumber yang memenuhi keinginan minatnya. Bakat yang diiringi dengan pengukuhan minat akan menyerlahkan personaliti dan keindividuan seseorang.

Dapatan yang diperolehi daripada responden bertepatan dengan kajian-kajian yang terdahulu. Demi untuk membangkitkan idea dan ilham reka cipta kepada pelajar, guru-guru ini akan sedaya upaya menguasai semua kemahiran yang terkandung di dalam silibus. Tambahan pula, guru-guru yang memilih opsyen Kemahiran Hidup semasa belajar sememangnya individu yang cintakan bidang ini. Oleh yang demikian, guru-guru ini akan berusaha dengan lebih keras tanpa rasa terbeban demi membuatkan para pelajar tidak berasa bosan sepanjang proses pembelajaran dan pengajaran berlangsung. Ini kerana, mata pelajaran Kemahiran Hidup merupakan mata pelajaran yang lebih menjurus kepada amali berbanding teori.

3.3 Persoalan kajian 3 : Adakah terdapat perbezaan yang signifikan persepsi guru tentang kemahiran mengajar Kemahiran Hidup antara guru opsyen dengan guru bukan opsyen?

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, didapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan persepsi guru tentang kemahiran mengajar Kemahiran Hidup antara guru opsyen dengan guru bukan opsyen. Skor min bagi perbezaan persepsi di antara guru opsyen dengan guru bukan opsyen terhadap kemahiran mengajar Kemahiran Hidup. Skor min bagi guru opsyen adalah 4.46 ($sp = 0.113$) manakala bagi guru bukan opsyen adalah 4.06 ($sp = 0.183$). Dapatan yang diperolehi bertepatan dengan kajian-kajian terdahulu di mana terdapat perbezaan persepsi tahap kemahiran mengajar di antara guru opseyen dengan guru bukan opsyen Kemahiran Hidup. Dalam kajian ini, guru bukan opsyen sememangnya mempunyai persepsi tahap kemahiran mengajar yang baik. Akan tetapi, apabila dibandingkan dengan persepsi tahap kemahiran mengajar dengan guru opsyen Kemahiran Hidup, didapati terdapat perbezaan yang signifikan di antara kedua-duanya.

Ini mungkin disebabkan oleh kekurangan penguasaan beberapa subtopik yang belum mencapai tahap yang maksimum oleh guru-guru bukan opsyen. Oleh yang demikian, pihak yang berwajib harus memandang serius dapatan daripada kajian ini supaya segala kelemahan dapat diatasi dengan kadar yang segera. Seterusnya, kurang mendapat latihan yang secukupnya untuk menguasai semua kemahiran yang ada dalam sukatan pelajaran Kemahiran Hidup juga merupakan salah satu faktor mengapa terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi tahap kemahiran mengajar Kemahiran Hidup di antara guru opsyen dengan guru bukan opsyen. Namun begitu, guru-guru bukan opsyen bukanlah tidak boleh mengajar di dalam bidang Kemahiran Hidup, mungkin terdapat penguasaan yang belum mencapai tahap maksimum terhadap sesuatu subtopik. Oleh yang demikian, pihak berwajib harus memandang serius perkara ini supaya tahap kemahiran mengajara maksimum dapat dicapai oleh guru-guru bukan opsyen di dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup.

Berdasarkan kajian oleh Shari (1998) pula, terdapat kelemahan dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di sekolah-sekolah. Terdapat komen daripada pelawat dan juga nazir tentang pengajaran dan pembelajaran ini di sekolah. Ini mungkin disebabkan oleh kekurangan penguasaan beberapa subtopik yang belum mencapai tahap yang maksimum. Begitu juga dengan kajian Romeli (2000), walaupun kurikulum telah ditambah dengan komponen reka cipta, guru-guru yang dipertanggungjawabkan untuk mengajar Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) ini pula kurang berkemahiran. Maka, menyebabkan guru ini tidak berkemampuan untuk membekalkan

pelajar dengan kemahiran sebagaimana dalam kurikulum KHB. Oleh yang demikian, pihak yang berwajib harus memandang serius dapatan daripada kajian ini supaya segala kelemahan dapat diatasi dengan kadar yang segera. Abdullah (2007) dari Jabatan Kemahiran Hidup Institut Perguruan Sultan Mizan yang telah menjalankan kajian terhadap 48 orang guru Kemahiran Hidup sekolah rendah di Besut Terengganu mendapati ramai guru tidak menguasai kemahiran dalam bidang-bidang yang terdapat dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup kerana kurang mendapat latihan yang secukupnya untuk menguasai semua kemahiran yang ada dalam sukatan pelajaran Kemahiran Hidup. Namun demikian, kemungkinan guru-guru bukan tidak boleh mengajar di dalam bidang Kemahiran Hidup, tetapi mungkin terdapat penguasaan yang belum mencapai tahap maksimum terhadap sesuatu subtopik.

Dapatan yang diperolehi bertepatan dengan kajian-kajian terdahulu di mana terdapat perbezaan persepsi tahap kemahiran mengajar di antara guru opsyen dengan guru bukan opsyen Kemahiran Hidup. Dalam kajian ini, guru bukan opsyen sememangnya mempunyai persepsi tahap kemahiran mengajar yang baik. Akan tetapi, apabila dibandingkan dengan persepsi tahap kemahiran mengajar dengan guru opsyen Kemahiran Hidup, didapati terdapat perbezaan yang signifikan di antara kedua-duanya. Ini mungkin disebabkan oleh kekurangan penguasaan beberapa subtopik yang belum mencapai tahap yang maksimum oleh guru-guru bukan opsyen. Oleh yang demikian, pihak yang berwajib harus memandang serius dapatan daripada kajian ini supaya segala kelemahan dapat diatasi dengan kadar yang segera.

Seterusnya, kurang mendapat latihan yang secukupnya untuk menguasai semua kemahiran yang ada dalam sukatan pelajaran Kemahiran Hidup juga merupakan salah satu faktor mengapa terdapat perbezaan yang signifikan di antara persepsi tahap kemahiran mengajar Kemahiran Hidup di antara guru opsyen dengan guru bukan opsyen. Namun begitu, guru-guru bukan opsyen bukanlah tidak boleh mengajar di dalam bidang Kemahiran Hidup, tetapi mungkin terdapat penguasaan yang belum mencapai tahap maksimum terhadap sesuatu subtopik. Oleh yang demikian, pihak berwajib harus memandang serius perkara ini supaya tahap kemahiran mengajara maksimum dapat dicapai oleh guru-guru bukan opsyen di dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup.

3.4 Persoalan kajian 4 : Adakah opsyen guru mempengaruhi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu?

berdasarkan analisis yang telah dijalankan, didapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian pelajar di antara pengajaran guru opsyen dengan guru bukan opsyen.

Jadual 3.1: Analisis skor min opsyen guru terhadap pencapaian pelajar.

Bil.	Perkara	Status	Bil. Guru	Min	Sisihan Piawai
1	Pencapaian	Opsyen	94	4.85	0.41
2		Bukan opsyen	105	4.69	0.71

Jadual 3.1 menunjukkan skor min bagi perbezaan opsyen guru terhadap pencapaian pelajar. Skor min bagi guru opsyen adalah 4.85 ($sp = 0.41$) manakala bagi guru bukan opsyen adalah 4.69 ($sp = 0.71$)

Jadual 3.2: Hasil ujian-t bagi perbezaan yang wujud di antara guru opsyen dengan guru bukan opsyen Kemahiran Hidup terhadap pencapaian pelajar.

Bil.	Perkara	Status	t-skor	Signifikan (2-tailed)
1	Pencapaian	Opsyen	2.03	0.044
2		Bukan opsyen		

Jadual 3.2 menunjukkan hasil ujian analisis menggunakan Ujian-t untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik bagi faktor opsyen guru dengan pencapaian murid. Guru opsyen ($m = 4.85$, $sp = 0.41$) dan guru bukan opsyen ($m = 4.69$, $sp = 0.71$) dengan tahap kemahiran mengajar, $t(170.2) = 2.03$, $p = 0.044$. Hasil dapatan analisis jelas menunjukkan bahawa hipotesis null ditolak dan terdapat perbezaan yang signifikan bagi opsyen guru dengan pencapaian murid.

Berdasarkan kajian Jerald (2002), misalnya, telah menggunakan data daripada *School and Staffing Survey* tahun 1999-2000 dari U.S. Department of Education untuk meneliti isu ini di sekolah menengah. Beliau mendapati bahawa sekolah menengah di negara itu mempunyai kadar yang tinggi pengajaran di luar bidang pengkhususan dalam mata-mata pelajaran akademik asas. Tambah beliau lagi, apa yang membimbangkan adalah bukan sahaja masalah ini tidak dapat dikurangkan antara 1993-94 dengan 1999-2000, malah *"the problem actually got somewhat worse, a change largely driven by higher rates of out-of-field teaching in the nation's lowest-income and highest-minority schools, the very schools where students need good teaching the most desperately"* (him. 1).

Selain itu, Seastrom *et al.* (2002) pula mengkaji isu ini daripada perspektif murid, iaitu peratusan murid yang diajar oleh guru yang mengajar di luar bidang pengkhususan mereka. Apabila ini diukur berdasarkan sama ada guru mempunyai major, minor, atau sijil dalam mata pelajaran yang mereka ajar, mereka mendapati, di peringkat *middle school* dalam tahun 1999-2000, 11 hingga 14 peratus murid yang mengambil mata pelajaran sains sosial, sejarah, dan bahasa asing; dan 14 hingga 22 peratus yang mengambil Bahasa Inggeris, Matematik, dan Sains diajar oleh guru "di luar bidang" (*out-of-field*). Di peringkat sekolah tinggi, antara 5 hingga 10 peratus murid dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, matematik, sains, sains sosial termasuk sejarah, seni, muzik, dan pendidikan jasmani mendapat guru yang sedemikian. Apabila definisi "di luar bidang" ditakrif sebagai guru yang tidak mempunyai sijil dan major dalam mata pelajaran yang diajar, peratusan pengajaran di luar bidang pengkhususan didapati meningkat.

Shimon & Brawdy (2001) berhujah menentang pengajaran di luar bidang pengkhususan bagi mata pelajaran pendidikan jasmani. Ini disokong oleh Brown (2003) di mana beliau menggunakan data U.S. Department of Education untuk melihat pengajaran di luar bidang pengkhususan dalam mata pelajaran Sejarah. Bagi tahun 1999-2000, Brown mendapati 71% guru Sejarah *middle school* tidak membuat pengkhususan major atau menerima pensijilan dalam sejarah, sementara 11.5% tiada pengkhususan major atau minor atau menerima pensijilan dalam mata pelajaran itu. Di peringkat sekolah tinggi, beliau mendapati 62.5% tidak mempunyai major atau pensijilan dalam sejarah, sementara 8.4% tidak mempunyai major, minor, atau sijil dalam mata pelajaran itu.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, sememangnya terdapat perbezaan yang signifikan pencapaian pelajar di antara pengajaran guru opsyen dengan guru bukan opsyen. Ini bukanlah bermakna guru bukan opsyen tidak berkualiti dalam menjalankan pengajaran Kemahiran Hidup. Sebaliknya, mungkin terdapat beberapa subtopik di dalam silibus mata

pelajaran Kemahiran hidup yang tidak dikuasai oleh guru bukan opsyen pada tahap maksimum. Masalah pengajaran di luar opsyen bukan hanya berlaku di negara kita sahaja, bahkan turut berlaku di luar negara berdasarkan kajian-kajian yang telah dinyatakan di atas.

Untuk mencapai tahap penguasaan maksimum kesemua subtopik di dalam silibus mata pelajaran Kemahiran Hidup, pihak berwajib khususnya harus memberikan perhatian yang serius dengan memberikan kursus-kursus khas kepada guru-guru yang memerlukan. Ini kerana, pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup pada peringkat sekolah rendah adalah penting demi memastikan mereka boleh meneruskan kesinambungan di sekolah menengah. Ini kerana, pendidikan di Malaysia sedang mengalami transformasi untuk memertabatkan bidang Teknik dan Vokasional demi mencapai tahap negara maju. Oleh yang demikian, pemantapan tahap kemahiran mengajar di kalangan guru-guru bukan opsyen Kemahiran Hidup harus dilakukan dengan segera supaya transformasi negara mencapai target yang telah ditetapkan.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kajian yang telah dijalankan ini mendapat kerjasama yang baik daripada guru-guru Kemahiran Hidup daerah Batu Pahat. Guru-guru juga telah mendapat maklum balas yang baik mengenai persepsi tahap kemahiran mengajar guru opsyen dan guru bukan opsyen dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup. Maklum balas yang diterima di dalam borang soal selidik juga menunjukkan kejujuran dan keikhlasan responden. Oleh yang demikian, penyelidik mengharapkan kajian ini dapat membantu pihak tertentu dalam memperbaiki dan memurnikan lagi sistem pendidikan di negara kita.

Rujukan

- Abdul Ghafar, A. N. (2003). *Rekabentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai, Johor:UTM.
- Abdullah, A. (1999). *Cabaran Yang Dihadapi Guru-guru Sekolah Rendah Kawasan Masjid Tanah Dalam Perlaksanaan Mata Pelajaran Kemahiran Hidup*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana.
- Abdullah, M. (2007). *Persepsi Guru Terhadap Kemahiran Hidup Sekolah Rendah di Besut Terengganu*. Jabatan Kemahiran Hidup Institut Perguruan Sultan Mizan: Kajian Kes.
- Baharen, K., Luaran, J. E. & Mohamed, Z. (2011). National Academic Conference (ENRICH 2011). *A Study on the Level of Skills And Perceptions Towards Information Technology Among Primary School Teacher In Pitas Distric, Malaysia*. Kelantan. Universiti Teknologi MARA.
- Brown, S, D. (2003). State Certification Requirements for History Teachers. *ERIC Digest* (ERIC Document Reproduction Service No ED482210).
- Chan, K. C. (2002). *Kemahiran Mengajar Kemahiran Manipulatif Tambahan (KMT) Dalam Kemahiran Hidup Bersepadu di Kalangan Guru-guru Wanita di Sekolah Menengah Melaka*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Muda.
- Chan, S. L. (1991). *Kajian Mengenai Sikap dan Minat Pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.

- Gay, L. R., & Airasian, P. (2003). *Educational Research: Competencies for Analysis and Applications*. 7th. Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.
- Hallinger, P., Murphy, J.F., Weil, M., Mega, R.P. & Mitman. A. (1983). School Effectiveness : Identifying the Specific Practices, Behavior for Principals. *NASSP Bulletin*, 67(463), 83-91.
- Hook, P., & Vass, A., (2000). *Confident Classroom Leadership*. London: Fulton.
<http://www.moe.edu.my/hariguru/perutusanKPPM.htm>
- Jerald, C. D. (2002). All Talk, No Action: Putting an End to Out-of-field Teaching. (ERIC Document Reproduction Service No. ED46874).
- Konting, M. M. (2000). *Kaedah Penyelidikan dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ku Seman. (2007). Kurang Fikir Terhadap Kurang Upaya. *Utusan Malaysia*. Dicapai pada Julai 28, 2007, dari <http://utusan.com.my>
- Kuberan, M. (2008). *Kesediaan Bakal Guru Siswazah Yang Mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru Untuk Mengajar Mata Pelajaran Lukisan Kejuruteraan. Satu Kajian Kes*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Ijazah Sarjana Muda.
- Mohamed Ahasan, N. (2006). *Kesediaan Guru-guru Bukan Opsyen Mata Pelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah-sekolah Menengah Dalam Daerah Kluang*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Ijazah sarjana Muda.
- Othman, H. (2000). *Minat Pelajar Perempuan Terhadap Komponen Kamahiran Manipulatif Kemahiran Hidup Bersepadu- Satu Tinjauan di Sekolah Menengah Johor Bharu*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek sarjana Muda.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2000). *Sukatan Pendidikan KH Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: PPK
- Romeli, W. (2000). *Sejauh Manakah Penguasaan Kemahiran-Kemahiran Psikomotor Kurikulum KHB (Elemen Kerja Kayu) di Kalangan Pelajar Perempuan di Empat Buah Sekolah Menengah Akademik Bantuan Penuh Kerajaan Kemaman*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana.
- Satute, M. (2003) *Kesediaan Guru-guru Bukan Opsyen Melaksanakan Program MPV di Sekolah-sekolah Menengah Akademik Negeri Johor dan Melaka*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Muda
- Seastrom, M. M., Gruber, K. J., Haeke, R., McGrath, D. J., & Cohen, B. A.(2002). *Qualifications of the Public School Teacher Workforce: Prevalence of Out-of-field Teaching 1987–88 to 1999–2000 (NCES 2002-603)*. Washington, DC: National Center for Education Statistics, U.S. Department of Education.
- Shari, N. (1998). *Kemahiran Pengajaran Guru Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Shimon, J.M., & Brawdy, P. (2001). A Good Teacher Can Teach Anything? (ERIC Document Reproduction Service No. ED462382)
- Sparks, D. (2003), Interview with Fullan: Change Agent. *Journal of Staff Development*, 24(1).
- Sulaiman, E. (2003). *Modul Pengajaran Asas Pedagogi*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Wan Ali, W. Z. (2000). *Memahami Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Yahaya, A., Hashim, S., Ramli, J., Boon, Y. & Hamdan, A. R. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.